

GAGASAN PAN ISLAMISME SAYYID MUHAMMAD RASYID RIḌĀ DALAM TAFSIR AL-MANAR : SATU HURAIAN

Oleh:

Mustaffa Abdullah *

Abstract

Pan Islamism was a great idea pioneered and promoted by Sayyid Jamal al-Dīn al-Aghfani. Later, it was developed and propagated by other reformists such as Sayyid Muḥammad Abduh and Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā in their works. Therefore, the article in one hand will elucidate the main ideas of Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā in his Tafsir al-Manar with regard to Pan Islamism. The discussion will be emphasized on the unity of ummah, religion, law, language and equality. In other hand, this article will advance the difficulties faced by Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā in order to make his idea of Pan Islamism as a reality and success.

Pendahuluan

Pan Islamisme bukanlah suatu yang baru, ia adalah lanjutan daripada gagasan yang di perkenalkan oleh Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan Syaykh Muḥammad ‘Abduh.¹ Ia diperkenalkan dengan

* Mustaffa Abdullah, M.A, adalah pensyarah di Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Muḥammad ‘Imārah (1993), *al-A`māl al-Kāmilah*, j. 1, Beirut: Dār al-Syurūq, h.

tujuan memartabatkan kedudukan umat Islam dalam pelbagai lapangan hidup setelah wujudnya kesatuan di kalangan umat Islam. Gagasan ini dihidupkan kembali oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dengan keyakinan bahawa antara sebab kemunduran umat Islam ialah perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam itu sendiri.²

Justeru itu, dalam artikel ini akan diuraikan konsep asas Pan Islamisme yang melibatkan beberapa perkara utama seperti, kesatuan ummah, persamaan taraf, kesatuan agama, kesatuan perundangan dan kesatuan bahasa. Selain itu dikemukakan bentuk-bentuk halangan yang dihadapi oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dalam menjayakan cita-cita Pan Islamisme yang diperjuangkannya.

Dasar-Dasar Asas Pan Islamisme

Pan Islamisme yang diperjuangkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā adalah berasaskan sistem khalifah³ dan ia diperkuatkan dengan prinsip persaudaran Islam yang menghapuskan ikatan perkauman dan menyusun kesatuan seluruh umat Islam dalam satu komuniti besar.⁴ Prinsip ini dilihat mampu memperkukuhkan kedudukan umat Islam memandangkan semua umat Islam bersatu di bawah satu keyakinan, satu sistem moral dan satu sistem pendidikan serta tunduk kepada

105; Muḥammad Abū Zahrah (t.t), *al-Waḥdah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 238.

² Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *Tafsir al-Manar.*, j. 11, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 225.

³ Pengertian khilafah, hukum melantik khalifah, syarat-syarat menjadi khalifah dan perkara lain yang berkaitan dengannya dijelaskan dengan panjang lebar dalam bukunya *al-Khilāfah*. Untuk keterangan lanjut lihat Muḥammad Rasyīd Riḍā (1994), *al-Khilāfah*, Kaherah: al-Zahra’ li al-‘Ilam al-‘Arabī, hh. 13-25.

⁴ Harun Nasution (1975), *Pembaharuan Dalam Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 74, Muktafi Fahal (1999), *Teologi Islam Modern*, Surabaya: Gitamedia Press, h. 34.

satu sistem undang-undang.⁵ Hukum dan undang-undang tidak dapat dijalankan tanpa kekuasaan pemerintah. Oleh itu, Pan Islamisme memerlukan negara dan negara yang dianjurkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā adalah berbentuk kekhalifahan di mana ketua negaranya ialah khalifah.⁶

Menurut Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, khalifah dipilih oleh *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* yang merupakan sebuah dewan yang menampung suara rakyat.⁷ Keanggotaan dewan ini terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai pelbagai jenis latar belakang, bukan sahaja daripada golongan ulama mujtahid, tetapi juga pemuka masyarakat dari pelbagai bidang seperti ahli perniagaan, pakar pertanian, tokoh usahawan dan sebagainya.⁸ Selain berfungsi sebagai pemilih khalifah⁹ ia juga berperanan mengawasi perjalanan pemerintah sehingga tidak berlaku penyelewengan, walau bagaimanapun Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā tidak menjelaskan bagaimana cara perlantikan *Ahl al-Hall wa al-'Aqd* itu dibuat. Apakah ia dipilih oleh rakyat atau khalifah?¹⁰

Konsep dan halatuju idea Pan Islamisme yang diperjuangkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dapat dilihat dengan jelas apabila beliau mengemukakan beberapa dasar umum yang berkaitan dengannya menerusi *Tafsir al-Manār* dan karya-karya beliau yang lain seperti

⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 225.

⁶ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1994), *op.cit.*, hh. 140-142, Charles Clarence Adams (1933), *Islam and Modernism in Egypt: a Study of the Modern Reform Movement inaugurated by Muḥammad 'Abduh*, London: Oxford University Press, hh. 174-175.

⁷ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 7, h. 118.

⁸ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1346), *al-Waḥdah al-Islāmiyyah wa al-Ukhuwwah al-Dīniyyah*, Kaherah: Dār al-Manar, h. 131.

⁹ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 7, h. 164.

¹⁰ Muktafi Fahal (1999), *op.cit.*, h. 35.

Konsep dan halatuju idea Pan Islamisme yang diperjuangkan oleh Sayyid Muhammad Rasyīd Ridā dapat dilihat dengan jelas apabila beliau mengemukakan beberapa dasar umum yang berkaitan dengannya menerusi *Tafsīr al-Manār* dan karya-karya beliau yang lain seperti *al-Khilāfah*, *al-Wahdah al-Islāmiyyah wa al-Ukhuwwah al-Dīniyyah*. Dasar-dasar tersebut berpandukan kepada petunjuk al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w. yang terbukti berjaya membawa seluruh manusia bersatu di bawah naungannya, walaupun mereka berlainan bangsa, berbeza kefahaman agama, berlainan warna kulit dan sebagainya, malah dasar-dasar itu bersifat universal dan ia diringkaskan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Ridā seperti berikut:¹¹

1. Kesatuan Ummah

Dasar Pan Islamisme adalah berkonsepkan persaudaraan, permuafakatan, toleransi dan menolak sebarang unsur yang boleh membawa kepada perpecahan dan permusuhan di kalangan umat. Ia berpandukan prinsip kesatuan seperti yang dijelaskan al-Qur'an:¹² yang berbermaksud: "*Sesungguhnya ini umat kamu, umat yang satu dan Aku Tuhanmu, sebab itu sembahlah Aku*". Malah peri pentingnya kesatuan umah dapat dilihat apabila Allah membuat seruan kepada para nabi supaya memberikan perhatian kepada persoalan kesatuan umah menerusi firmanNya:¹³

يا أيها الرسل كلوا من الطيبات واعملوا صالحا إني بما
تعملون عليم وإن هذه أمتكم أمة واحدة وأنا ربكم
فاتقون

Maksudnya:

Wahai rasul, makanlah dari apa yang baik dan buatlah amalan salih, sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu lakukan. Dan sesungguhnya ini adalah umat kamu,

¹¹ Muḥammad Rasyīd Ridā (1999), *op.cit.*, j. 11, hh. 225-226.

¹² Sūrah al-Anbiyā': 92.

¹³ Sūrah al-Mu'minūn: 51-52.

umat yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, sebab itu takutlah kepadaKu.

Dasar kesatuan umat Islam yang menjadi sebahagian tonggak Pan Islamisme amat diberi penekanan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida, kerana bagi beliau kesatuan umat Islam adalah benteng yang boleh menyelamatkan negara dari ancaman musuh,¹⁴ malah yang lebih utama, ketiadaan kesatuan menyebabkan umat Islam akan hilang ketuanan, hilang negara dan khalifah, lantas mereka dikuasai oleh penjajah.¹⁵ Realiti itu terus dapat dibuktikan apabila Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā mengatakan:¹⁶ "Tidak ada kesatuan melainkan dengan kesatuan dan tidak ada kesatuan melainkan dengan persepakatan, sesungguhnya persepakatan adalah persefahaman yang baik."

2. Persamaan Taraf

Pan Islamisme bergantung kuat kepada dasar persamaan taraf di antara manusia yang berbagai jenis, bangsa dan suku kaum. Ia dikemukakan secara jelas dengan tujuan membawa manusia kepada kesatuan umat berasaskan agama seperti yang dijelaskan oleh al-Qur'an.¹⁷

يا أيها الناس إنا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلناكم
شعوبا وقبائل لتعارفوا إن أكرمكم عند الله أتقاكم

Maksudnya:

*Wahai manusia, sesungguhnya Kami jadikan kamu
daripada jenis lelaki dan perempuan dan Kami jadikan*

¹⁴ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1919), al-Manar, j. 5, Kaherah: Dar al-Manar, h. 266.

¹⁵ Ibid., h. 266.

¹⁶ Ibid., h. 265.

¹⁷ Sūrah al-Ḥujurāt: 13.

kamu bersuku dan berpuak-puak supaya kamu dapat mengenali di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang-orang yang paling mulia dikalangan kamu ialah orang yang paling bertakwa.”

Menurut Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, konsep persamaan taraf yang membawa kepada kesatuan manusia diperjelaskan lagi oleh Nabi kepada umatnya pada Hari Raya Haji Akbar di Mina, dan ia merupakan amanat terakhir nabi kepada umat Islam. Antara ucapan Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Haji Wadā‘ itu ialah: *“Ingatlah Sesungguhnya Allah mengharamkan pencerobohan ke atas darah dan harta kamu, sepertimana kemuliaan yang kamu capai pada hari ini, di negeri kamu ini dan di bulan kamu ini. Ingatlah apakah kamu sanggup menyampaikannya?”*¹⁸ Kenyataan nabi di atas secara tidak langsung memperkatakan tentang nilai persamaan taraf yang diperjuangkan nabi dan ia merangkumi seruan ke arah persaudaraan Islam yang membawa kepada kenal mengenal di antara satu sama lain serta meninggalkan permusuhan yang berlaku disebabkan perselisihan faham.¹⁹

Konsep persamaan taraf yang diterapkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā sebagai salah satu daripada asas dalam gagasan Pan Islamisme adalah sesuatu yang tepat dan kena pada masanya kerana kesatuan di kalangan umat Islam tidak akan wujud sekiranya masih ada jurang pemisihan di antara mereka disebabkan status dan kedudukan. Justeru gagal atau berjaya gagasan Pan Islamisme adalah berkait rapat dengan sikap dan penghayatan umat Islam terhadap dasar persamaan taraf di antara umat.

¹⁸ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1989), *Fath al-Bārī*, j. 7, Kaherah: Dār al-Rayyan li al-Turāth, hh. 709-710.

¹⁹ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 226.

3. Kesatuan Agama

Sayyid Muḥammad Rasyīd Ridā memperincikan maksud kesatuan agama sebagai mengikut seorang rasul yang membawa ajaran agama fitrah. Ia mengandungi syariat yang lengkap sesuai untuk seluruh umat manusia selaras dengan firman Allah:²⁰

قل يا أيها الناس إني رسول الله إليكم جميعا

Maksudnya:

Wahai manusia, sesungguhnya aku adalah rasul Allah untuk kamu semua.

Memandangkan Islam agama fitrah,²¹ maka banyak ruang kebebasan diberikan kepada manusia untuk memilih akidah yang sesuai dengan naluri semulajadi manusia dan ini menunjukkan bahawa Islam bukan agama paksaan, tidak menggunakan kekuatan mata pedang dalam proses penyebarannya²², tetapi ia berdasarkan kebebasan memilih, kebenaran dan petunjuk Allah.²³ Justeru itu, dasar kesatuan agama tidak berbentuk paksaan dan ia dianggap oleh Sayyid Qutb sebagai satu penghormatan Allah terhadap kehendak, pemikiran dan perasaan manusia. Ia merupakan di antara ciri utama kebebasan manusia yang sekian lama dinafikan oleh sistem ciptaan manusia, malah kebebasan beragama merupakan hak awal seseorang bagi menobatkan taraf kemanusiaannya.²⁴

²⁰ Surah al-A'rāf: 168.

²¹ Al-Zamakhsyārī (1995), *op.cit.*, j. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hh. 463-464.

²² Muḥammad Rasyīd Ridā (1999), *op.cit.*, j. 3, h. 31.

²³ Ibn Kathīr (t.t), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 1, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, h. 310.

²⁴ Sayyid Qutb (1986), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 1, Beirut: Dār al-Syurūq, h. 291.

Kesatuan agama dalam pengertian di atas diperjuangkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, kerana beliau yakin Islam tersebar dengan cepat dan diterima secara positif oleh masyarakat adalah sebahagiannya didorong oleh keadilan syariat Islam yang mementingkan persamaan taraf dikalangan umat.²⁵

Hasil daripada keyakinan terhadap kesatuan agama dalam pengertian itu, Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā mengaitkannya dengan tanggungjawab untuk tunduk kepada hukum hakam Islam yang berfungsi memberikan keadilan kepada orang Islam dan bukan Islam, raja dan orang biasa, aristokrat dan marhain dan di antara orang yang kuat dengan golongan lemah tanpa prejudis dan diskriminasi.²⁶ Namun Islam mengecualikan hukum hakam yang melibatkan agama seseorang individu, justeru Islam menghormati kebebasan akidah seseorang dan memberi kebebasan serta kebenaran kepada orang-orang bukan Islam merujuk kepada ulama mereka bagi menyelesaikan beberapa masalah kehidupan seperti perkahwinan, perceraian dan sebagainya. Walau bagaimanapun Islam mengutamakan keadilan jika mereka ingin mengikuti pendekatan Islam, kerana syariat Islam telah memansuhkan syariat mereka dan ia sesuai untuk setiap umat, seperti firman Allah:²⁷

إِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرَضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرَضْ
عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

²⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1918), *op.cit.*, j. 21, Kaherah: Dar al-Manar, h. 85

²⁶ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 227.

²⁷ Surah al-Ma'idah: 42.

Maksudnya:

“Sekiranya mereka itu datang kepada kamu, maka hukumlah antara mereka atau berpalinglah kamu daripadanya. Jika kamu berpaling daripada mereka, tidaklah mereka itu membahayakan kamu, namun jika kamu menghukum antara mereka, maka hukumlah dengan adil. Sesungguhnya Allah suka kepada orang yang adil.”

Sistem kehakiman Islam memberikan keadilan kepada orang Islam dan bukan Islam, raja dan orang biasa, aristokrat dan marhain dan di antara orang yang kuat dengan golongan lemah tanpa diskriminasi.²⁸ Ia selaras dengan apa yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. menerusi hadisnya yang bermaksud: *“Sekiranya Fātimah bt. Muhammad mencuri, nescaya aku potong tangannya.”*²⁹

4. Kesatuan Bahasa

Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dengan tegas menyatakan bahawa kesatuan dan persaudaraan di antara manusia yang terdiri daripada berbagai bangsa tidak mungkin tercapai melainkan dipupuk dengan satu bahasa. Justeru beliau menyarankan supaya Bahasa Arab dijadikan bahasa penyatuan,³⁰ kerana menerusi pendekatan itu, ruang terbuka luas kepada umat manusia seluruhnya berinteraksi, bekerjasama, tolong menolong, kenal mengenal di antara satu sama lain seterusnya menguasai berbagai bidang ilmu yang merupakan asas kepada kemajuan seperti ilmu pendidikan, sains, sastera dan ilmu-ilmu keduniaan lain.³¹

²⁸ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 227.

²⁹ Al-Bukhārī (2001), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Maḥmūd Muḥammad Maḥmūd Hasan Naṣṣār (ed.), Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Aḥādīth al-Anbiyā’, no. 3475, hh. 639-640.

³⁰ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1994), *al-Khilāfah*, hh. 99-100.

³¹ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 228.

ia secara langsung menjadi medium yang cukup berkesan untuk mewujudkan kesatuan di kalangan umat Islam.

Menurut Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, impian itu sebenarnya boleh dicapai oleh umat Islam apabila mereka menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa agama, perundangan dan pentadbiran. Justeru, umat Islam perlu menguasai Bahasa Arab untuk memahami kandungan al-Qur'an dan hadis nabi serta menterjemahkan ajaran Islam dalam kehidupan sebenar. Sementara orang-orang bukan Islam juga perlu mengetahui bahasa al-Qur'an memandangkan mereka perlu akur kepada ketetapan al-Qur'an dan kerajaan Islam yang mereka bernaung.³²

Kepentingan mempelajari Bahasa Arab ini diberi perhatian serius oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā. Ini dapat dibuktikan apabila beliau berpendapat mempelajari Bahasa Arab adalah wajib untuk memahami ajaran Islam dan ia diperkuatkan dengan pandangan majoriti ulama Islam seperti yang ditegaskan oleh Imam al-Syāfi'i dalam kitab *al-Risālah*.³³

Kewujudan satu bahasa untuk semua adalah perlu untuk menjayakan cita-cita Pan Islamisme. Justeru Sayyid Muḥammad Rasyid Rida dan ulama sealiran dengannya seperti Muhammad Abū Zahrah melihat Bahasa Arab amat sesuai memainkan peranan itu, kerana Bahasa Arab bukan hanya bahasa al-Qur'an dan hadis, bahkan ia bahasa yang digunakan dalam ibadah, bahasa kitab-kitab *turāth*, malah bahasa ini terbukti mampu menyatupadukan hati umat Islam kini sebagaimana ia berjaya menyatukan umat Islam terdahulu.³⁴

³² *Ibid.*

³³ Al-Syāfi'i (1979), *al-Risālah*, Aḥmad Muḥammad Syākir (ed.), Kaherah: Dār al-Turāth, h. 48-50. Lihat juga Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 9, h. 261.

³⁴ Muḥammad Abū Zahrah (t.t), *al-Waḥdah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, hh. 274-275.

Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā berpendapat tidak berlaku permusuhan di antara umat Islam yang mendapat pendidikan daripada ajaran Nabi Muhammad s.a.w. walaupun di kalangan mereka wujud perbezaan jenis dan kelainan bahasa. Pun begitu ada sesetengah golongan berpendapat penyatuan bahasa di kalangan umat berbagai bahasa adalah sesuatu yang bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia.³⁵ Walau bagaimanapun pendapat ini disangkal oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā dengan menegaskan bahawa penyatuan agama adalah lebih rumit daripada penyatuan bahasa, namun golongan ahli falsafah dan bahasa sentiasa berusaha menyatupadukan umat manusia berlandaskan satu bahasa yang dikongsi bersama. Walaupun mereka tahu peningkatan sesetengah bahasa adalah hasil daripada peningkatan masyarakat dalam bidang sains, seni, politik dan ketenteraan yang menyukarkan mereka berpindah ke bahasa lain setelah ia berkembang maju, tetapi usaha-usaha penyatuan bahasa itu tetap dilakukan.³⁶

Al-Qur'an tetap mengajak umat manusia ke arah penyatuan itu supaya permusuhan yang berlaku disebabkan perbezaan bahasa dapat dikurangkan. Tambahan pula perbezaan itu menimbulkan kesedaran umat Islam untuk menjadi umat yang lebih proaktif dan lebih berusaha gigih mencari kebahagiaan hidup menerusi kesatuan berbanding permusuhan yang merosakkan yang dilakukan oleh orang lain.³⁷

³⁵ *Ibid.*, j. 11, h. 229.

³⁶ *Ibid.*, j. 11, hh. 229-230.

³⁷ *Ibid.*

Halangan dan Tentangan Terhadap Cita-Cita Pan Islamisme

Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā berkeyakinan bahawa Pan Islamisme dapat direalisasikan apabila kesemua dasar-dasar di atas diikuti sepenuhnya oleh umat Islam kerana prinsipnya yang jelas. Ia sama seperti jasad manusia yang mempunyai anggota yang saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain, seperti sabda Rasūlullah s.a.w:³⁸

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم مثل الجسد
إذا اشتكى منه عضو تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى

Maksudnya:

Orang-orang mukmin diumpamakan seperti satu jasad dari segi sifat tolong menolong, kasih sayang dan sifat kasihan belas. Apabila salah satu anggota badannya sakit, menyebabkan seluruh anggota badan yang lain turut merasai sakit dengan berjaga malam dan demam.

Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā tetap menyedari bahawa idea Pan Islamisme tidak disenangi pihak penjajah barat seperti Inggeris, kerana kesan daripada kesatuan yang terhasil daripada idea itu tidak menguntungkan mereka. Contohnya Lord Cromer melihat Pan Islamisme yang diperjuangkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā itu bakal menggugat keutuhan kerajaan barat, kerana ia dilihat membentuk pakatan umat Islam seluruh dunia bersatu menentang kerajaan Kristian barat. Ekoran daripada pemahaman itu, beliau berpendapat menjadi satu kewajipan ke atas seluruh bangsa Eropah

³⁸ Al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 10, h. 452. Lihat juga Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, h. 228.

yang mempunyai kepentingan politik di timur supaya membuat pemantauan yang teliti terhadap gerakan itu, kerana ia boleh meniupkan semangat fanatik keagamaan anti barat di kalangan masyarakat Islam.³⁹

Sikap Lord Cromer adalah gambaran sebenar sikap pihak barat terhadap persoalan Pan Islamisme. Malah gesaan kepada seluruh masyarakat Eropah supaya menakut-nakutkan masyarakat Islam dengan keburukan Pan Islamisme adalah bertujuan supaya mereka tidak terpengaruh dengan gagasan tersebut.⁴⁰ Ekoran daripada itu, Lord Cromer dan kuncu-kuncunya berusaha mengkritik dan memandang serong perundangan Islam antara lain bertujuan mengagalkan idea Pan Islamisme itu,⁴¹ malah pihak barat dan musuh-musuh Islam menyebarkan berita palsu, menabur fitnah dan propaganda terhadap Islam. Sekolah aliran barat diwujudkan dengan tujuan untuk menanamkan pemikiran sekular dalam diri para pelajar Islam dan akhirnya berlaku salah faham dikalangan masyarakat Islam terhadap ajaran Islam yang sebenar. Akhirnya pemikiran sekular itu merenggangkan ikatan kesatuan di kalangan masyarakat Islam, lantas Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā menyedarkan umat Islam tentang bahaya itu dan menegaskan bahawa setiap tindak tanduk dan perancangan barat bertujuan meruntuhkan Islam dengan menolak gagasan Pan Islamisme.⁴²

Keadaan umat Islam dilihat semakin lemah apabila pihak musuh turut memainkan peranan menyelewengkan fakta-fakta yang berkaitan dengan kebenaran Islam, menyakinkan pihak pemerintah yang memerintah negara Islam bahawa perundangan Islam itu tidak lengkap

³⁹ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1994), *al-Khilāfah*, Kaherah: al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabī, h. 127, Wajīh Kuthrānī (1980), *Mukhtārāt min Majallah al-Manār*, h. 75.

⁴⁰ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 11, hh. 127-128.

⁴¹ *Ibid.*, j. 6, h. 129.

⁴² Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 6, h.47.

dan perlu kepada penambahan seperti yang dicadangkan oleh pihak barat.⁴³

Ekoran daripada tipu daya dan muslihat musuh, menyebabkan kekuasaan yang ada pada umat Islam dapat dinafikan dengan menjadikan mereka sebagai boneka yang bermusuhan sesama sendiri dan akhirnya mereka tidak mampu membebaskan negara Islam yang ditindas melainkan dengan bantuan pihak musuh atau menerusi segolongan umat Islam yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Musuh-musuh Islam juga berusaha merosakkan pemikiran umat Islam khususnya yang berkaitan Pan Islamisme dengan pelbagai cara. Mereka mengharapkan golongan yang berkuasa supaya tidak kembali kepada petunjuk al-Qur'an yang mampu menyatukan umat Islam, petugas-petugas mereka yang mahir dalam bidang agama diutus untuk melancarkan propaganda untuk mengugat kepercayaan umat Islam terhadap keesaan Allah, kemuliaan al-Qur'an dan kebenaran para nabi.

Selain itu mereka memutuskan hubungan persaudaraan yang berasaskan keagamaan dan diganti dengan hubungan yang berasaskan jenis dan suku bangsa. Hasilnya berlaku persengketaan di antara umat Islam seperti yang berlaku di antara Parsi dan Turki atau di antara Turki dan Albania dan Arab. Sepatutnya mereka diikat dengan agama, bahasa, adat resam yang mampu menandingi semangat nasionalis yang diasaskan oleh barat untuk menghancurkan semangat Pan Islamisme.

Selain itu, pihak barat dan musuh Islam berusaha mendapatkan maklumat tentang rahsia kekuatan umat Islam. Tujuannya adalah untuk membolehkan mereka menyusun strategi dan perancangan menyebarkan berbagai dasar yang boleh memecah belahkan umat Islam, mewujudkan jurang pemisah di antara belia dengan golongan dewasa dan di antara para ulama dan pemerintah.⁴⁴

⁴³ *Ibid.*, j. 8, h. 192.

⁴⁴ Ahmad 'Umar Hāsyim (1418), *Thimār min Qā'ah al-Imām Muḥammad 'Abduh*, Kaherah: Maṭābi' li al-Awfust bi Syarikah al-I'lānāt al-Syarqiyyah, h. 37.

Hal-hal sedemikian disedari oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā, malah menurut beliau perpecahan umat Islam adalah disebabkan lima faktor utama dan ia adalah seperti berikut:

1. Perbezaan fahaman politik dan sikap permusuhan dengan pemerintah.
2. Fanatik kepada suku bangsa dan keturunan.
3. Fanatik kepada mazhab sama ada dalam perkara asas atau sampingan.
4. Penggunaan akal fikiran tanpa batas dalam membincangkan masalah agama.
5. Serangan dan tipu daya pihak musuh.

Ke arah merealisasikan cita-cita Pan Islamisme dikalangan umat Islam, Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā menolak pendekatan akal yang tidak dipandu oleh wahyu dalam menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Dengan alasan wujud perbezaan di antara pendapat manusia disebabkan perbezaan masa, tempat dan suasana sesebuah masyarakat, sedangkan agama yang meliputi akidah, ibadat, fadilat-fadilat dan masalah halal haram adalah ketentuan Tuhan.⁴⁵ Justeru pendekatan akli semata-mata dilihat tidak wajar, malah mengundang bencana besar kepada keutuhan umat Islam. Ia diperkuatkan dengan hadis nabi yang bermaksud:

“Umatku akan berpecah melebihi 70 golongan. Satu golongan sangat besar fitnahnya kepada umat, iaitu mereka yang mengkiaskan masalah agama dengan pendapat, mengharamkan dengan pendapat perkara-perkara yang dihalalkan Allah dan menghalalkan perkara-perkara yang diharamkannya.”

⁴⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *op.cit.*, j. 8, h. 191.

Seterusnya baginda menyifatkan golongan yang selamat ialah mereka yang mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.⁴⁶ Walau bagaimanapun Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā mengakui bahawa cita-cita Pan Islamisme adalah sesuatu yang sukar dicapai oleh umat Islam dan ia akan menemui jalan buntu khususnya apabila para pemimpin dan pemerintah umat Islam masih dibelenggu kejahilan.⁴⁷

Kesimpulan

Gagasan Pan Islamisme yang diperjuangkan oleh Sayyid Muḥammad Rasyīd Riḍā membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang bercita-cita besar. Pun begitu, untuk melaksanakannya memerlukan penghayatan yang menyeluruh terhadap dasar-dasar yang dikemukakan. Ia bersifat fundamental memandangkan dasar-dasar itu berpaksikan ajaran al-Qur'an dan hadis nabi. Namun di sudut lain, ia terlalu ideal memandang realiti semasa dalaman dan luaran yang melingkungi umat Islam, sama ada ilmu pengetahuan pemikiran dan keupayaan kebendaan, di samping serangan imperialis barat dalam memecah belahkan perpaduan dan persaudaraan Islam dengan kerjasama nasionalis Turki dan Arab Islam secara bersama.

⁴⁶ Ismail Che Daud (1980), "Tok Beta", *Pengasuh*, Bil. 453, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1980, h. 20.

⁴⁷ *Ibid.*, j. 10, h. 280.